

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 24 APRIL 2017 |

PPBM pimpinan Tun Mahathir kian parah

BH - 24/4/2017

Tindakan seorang pengasas Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Kamarulazman Habibur Rahman, keluar parti baru-baru ini memberi tamparan hebat kepada perjuangan parti itu. Seperti disebut Naib Presiden PPBM, Datuk Hamidah Osman, ia satu perkara serius dan tidak boleh dipandang remeh oleh pimpinan tertinggi PPBM kerana ia mempunyai implikasi besar.

Jika sebelum ini gegarannya tidak begitu ketara kerana tindakan keluar parti ini hanya memabitkan pimpinan bahagian, termasuk di Baling dan Rembau, tetapi kini ia lebih jauh dengan memabitkan seorang pengerak utama PPBM sejak ia ditubuhkan, apatah lagi dengan jawatannya selaku Presiden Gabungan Ketua Cawangan Malaysia (GKCM).

Sewaktu PPBM dalam pendaftaran, Kamarulazman selaku Setiausaha Penaja berada pada kedudukan tiga terpenting selepas Tun Dr Mahathir Mohamad (Pengerusi Penaja) dan Tan Sri Muhyiddin Yassin (Presiden Penaja), diikuti Datuk Seri Mukhriz Mahathir, Akhramsyah Muammar Ubaidah Sanusi, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dan Ainina Saadudin.

Sudah tentu ada masalah dan krisis keyakinan besar yang se-

dang membarah dalam PPBM sehingga mendorong Kamarulazman nekad melepaskan jawatan Setiausaha Kerja dan Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) PPBM Pusat dan Ketua PPBM Bahagian Telok Kemang selain menolak tawaran jawatan Pengerusi Perhubungan PPBM Negeri Sembilan.

Amalan pilih kasih

Menurut Kamarulazman, wujud amalan pilih kasih yang mendaalam dalam PPBM, darjat dan kasta ahli diukur berdasarkan keakraban dengan pimpinan tertinggi parti manakala golongan yang benar-benar bekerja untuk parti sejak awal penubuhannya diberi layanan kelas kedua menyebabkan PPBM gagal mendapat momentum di lapangan.

Lebih penting pendedahan Kamarulazman mengenai betapa perjuangan PPBM kini tersasar daripada landasan. Kata beliau, fokus PPBM adalah menjatuhkan Perdana Menteri dengan apa saja cara, termasuk menggunakan fakta tidak sah dan fitnah tidak logik akal, dan menaikkan pemimpin PPBM sebagai Perdana Menteri baharu.

Syukurlah Kamarulazman sudah sedar betapa pemimpin PPBM, tidak akan dipilih sebagai Perdana Menteri walaupun paka-

tan pembangkang menang dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU 14) kerana inilah hakikat sebenarnya yang sedang berlaku dan yang kita cuba ketengahkan kepada rakyat.

Masih jelas kepada kita laporan media massa ke atas kenyataan Muhyiddin, ketika berceramah selaku Presiden PPBM di Kota Kiri, Padang Rengas, pada 25 Mac lalu, betapa pakatan pembangkang perlu berupa gabungan berteraskan Melayu supaya orang Melayu tidak berasakan kedudukan serta nasib mereka akan tergugat.

Malangnya, tidak lama kemudian Setiausaha Organisasi DAP, Anthony Loke Siew Fook, menyatakan kepada *China Press* betapa PPBM tidak mungkin jadi ketua dalam Pakatan Harapan. PPBM, katanya, tidak boleh membuat keputusan sendiri tanpa merujuk kepada parti lain dan hanya akan diberi 50 hingga 60 kerusi.

Tak mungkin jadi PM

Hakikat PPBM tidak mungkin jadi ketua Pakatan Harapan dan betapa pemimpin PPBM tidak mungkin menjadi Perdana Menteri jika Pakatan Harapan menang PRU-14 jelas terbukti apabila kita melihat kepada Perjanjian Pakatan Harapan yang menyebut keputusan Pakatan Harapan di-

buat berasaskan prinsip konsensus yang memerlukan setiap parti dalam Pakatan Harapan bersetuju.

Penolakan DAP ke atas kepemimpinan PPBM terpatery lebih awal bila Penasihat Seumur Hidup DAP, Dr Chen Man Hin, melalui wawancara dalam lidah rasmi DAP, Raketkini, pada 28 Januari 2017, menyifatkan Dr Mahathir, Pengerusi PPBM, sebagai 'sukar dikawal' dan 'tidak akan bawa manfaat sebagai pemimpin' walaupun boleh diajak bekerjasama.

Berdasarkan wawancara ini, adalah jelas kerjasama politik antara DAP dan PPBM adalah *a marriage of convenience*, perkahwinan yang dilangsungkan bukan kerana cinta tetapi kepentingan peribadi atau kerana kepentingan strategik tertentu. Perkahwinan begini selalunya dipenuhi curiga-mencurigai dan tidak bertahan lama.

Bahasa yang digunakan Man Hin untuk menggambarkan kerjasama politik DAP dan PPBM ini cukup jelas: "Kita berkawan, tetapi kawan yang berjaga-jaga. Kita mungkin bukan kawan untuk selama-lamanya. Ia boleh berubah mengikut masa." PPBM hanyalah alat DAP, habis manis sepagh akan dibuang.

Komentar



Dr Kamarul Zaman Yusoff

Felo Utama Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM) dan Pengarah Pusat Kajian Politik Malaysia (MAPAN), Universiti Utara Malaysia (UUM)